CIMB BANK BERHAD (13491-P)
TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT AKAUN AIRASIA SAVERS CIMB BANK
Layak menerima perlindungan PIDM

1 Am

1.1 Permohonan untuk membuka Akaun AirAsia Savers CIMB Bank ("Akaun") hendaklah dibuat secara peribadi dalam borang permohonan yang disediakan oleh Bank atau melalui CIMB Clicks bagi pelanggan Bank sedia ada.

1.2 Penerimaan dan penggunaan berterusan semata-mata menurut budi bicara Bank.

1.3 Pemohon hendaklah mematuhi semua keperluan pihak Bank untuk membuka Akaun.

1.4 Bank merizab hak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, jumlah deposit permulaan minimum yang diperlukan untuk membuka Akaun.

1.5 Pengendalian Akaun boleh dilbuat melalui operasi dalam talian atau internet, mesin ATM dan/ atau di Kaunter Bank tanpa buku simpanan dan/ atau penyata fizikal.

1.6 Sebarang borang atau resit yang ditandatangani oleh pemegang Akaun dan sebarang transaksi yang disahkan dan atau dlaksanakan secara elektronik oleh pemegang Akaun berkaitan dengan sebarang transaksi atau perkara di dalam Akaun sebelum, semasa atau selepas transaksi atau perkara tersebut dilaksanakan ('transaksi di atas') akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap pemegang Akaun.

Tanpa menjejaskan sifat am perkara yang disebut sebelum ini, pemegang Akaun selanjutnya bersetuju bahawa buku dan atau rekod Bank yang membuktikan transaksi di atas juga akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat terhadap pemegang Akaun.

2 Deposit

2.1 Deposit boleh dimasukkan ke dalam Akaun melalui operasi dalam talian atau sebarang peranti elektronik yang disediakan oleh Bank, atau di kaunter Bank.

2.2 Deposit antara Bank dibenarkan tertakluk kepada caj yang ditetapkan, jika ada.

2.3 Semua deposit hendaklah dibuat menggunakan borang standard yang disediakan oleh Bank dan arahan yang terkandung di dalamnya hendaklah dipatuhi dengan ketat.

2.4 Penerimaan cek dan instrumen kewangan lain untuk dikreditkan ke dalam Akaun adalah menurut budi bicara Bank.

2.5 Semua cek dan instrumen kewangan yang dideposit diterima untuk pungutan sahaja dan tidak boleh dikeluarkan sehingga Bank menerima hasilnya.

2.6 Cek dan instrumen kewangan lain yang dideposit dan selepas itu tidak dilayan, akan dipulangkan kepada pemegang Akaun, di alamat terakhirnya yang diketahui, dan risiko dan perbelanjaan hendaklah ditanggung oleh pemegang Akaun.

3 Pengeluaran

3.1 Sebarang pengeluaran yang ingin dibuat daripada Akaun mungkin tertakluk kepada sebarang keperluan Bank dan / atau tertakluk kepada amalan Bank yang berkuat kuasa, dan/atau tertakluk kepada sebarang bukti identiti yang mungkin dikehendaki oleh Bank.

3.2 Pengeluaran pihak ketiga tidak dibenarkan.

3.3 Pengeluaran antara cawangan dibenarkan tertakluk pada had dan caj yang ditetapkan, jika ada, sepertimana ditentukan oleh Bank.

3.4 Pengeluaran wang tunai melalui ATM adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal operasi Kad ATM.

4 Kadar Faedah / Pembayaran Faedah

4.1 Faedah pada sebarang kadar yang ditetapkan oleh Bank hendaklah dibayar terhadap Akaun, selaras dengan amalan Bank yang berkuat kuasa. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada kadar deposit oleh Bank sebagai gerak balas terhadap sebarang perubahan pada Kadar Dasar Semalaman Bank Negara Malaysia, makluman tentang perubahan tersebut akan disampaikan kepada pemegang Akaun secara bertulis atau melalui kaedah elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan di ruang perbankan Bank atau di laman sesawang Bank dan melalui sebarang iklan yang akan disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar utama.

4.2 Cukai pegangan ('withholding tax'), dimana terpakai, pada kadar yang ditetapkan akan dipotong bagi semua pembayaran faedah.

4.3 Sekiranya tiada transaksi dilaksanakan oleh pemegang Akaun di kaunter Bank sepanjang bulan, Bank akan memberikan insentif tunai sebanyak RM5 bagi bulan tersebut dengan syarat sentiasa bahawa baki purata minimum dalam Akaun sepanjang bulan adalah RM5,000.00. Jumlah insentif tunai dan baki purata minimum yang perlu dikekalkan akan ditentukan oleh Bank menurut budi bicara tunggalnya dan boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa. Hanya akaun dengan status 'aktif' berhak menerima insentif tunai. Penentuan oleh Bank tentang sama ada Akaun diklasifikasi sebagai aktif atau tidak adalah muktamad dan mengikat terhadap pemegang Akaun.

5 Ciri-Ciri dan Manfaat

5.1 Akaun mengandungi manfaat dan kelebihan yang mungkin berubah dari semasa ke semasa. Butir-butir penuh tentang manfaat dan kelebihan Akaun termasuk manfaat daripada AirAsia Berhad ("AirAsia") ("Program") akan dimaklumkan kepada pemegang Akaun dalam surat berita elektronik Bank, brosur produk Bank dan/atau di www.cimbislamic.com.my ("laman sesawang Bank) atau melalui sebarang kaedah lain.

5.2 Bank tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berhubung dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh AirAsia. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pertikaian atau pertanyaan di pihak pemegang akaun berhubung dengan mana-mana produk dan perkhidmatan AirAsia hendaklah dirujuk kepada dan ditangani oleh AirAsia. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian sedemikian atau dipertanggungjawabkan atas sebarang tuntutan pun jua yang mungkin berbangkit daripada pertikaian sedemikian. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kelewatan, ketidakupayaan atau kecuaian di pihak AirAsia untuk melaksanakan mana-mana obligasinya berkaitan dengan sebarang produk dan perkhidmatan AirAsia yang ditebus atau diterima oleh pemegang Akaun.

5.3 Bank dan AirAsia berhak, menurut budi bicara tunggal dan mutlak mereka, menambah, mengubah suai atau meminda ciri-ciri/manfaat di bawah Program dan/atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pemegang Akaun dan/atau untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Program dan/atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan tanpa memberikan sebarang sebab pun jua kepada pemegang Akaun selepas memberikan notis terdahulu yang mencukupi kepada pemegang Akaun. Notis kepada pemegang akaun di bawah klausa ini boleh disampaikan kepada pemegang Akaun dalam surat berita elektronik Bank, brosur produk Bank dan/atau di laman sesawang Bank atau dalam sebarang cara makluman lain yang dipilih oleh Bank.

5.4 Bank tidak mempunyai sebarang obligasi sama sekali untuk membayar atau menyebabkan pembayaran atau sebaliknya dalam apa cara jua bertanggungjawab kepada pemegang Akaun berkaitan dengan Program dan/atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dan diserahkan di bawah Program oleh AirAsia dalam sebarang keadaan pun jua.

5.5 Produk dan perkhidmatan AirAsia adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Air Asia dan berasingan daripada Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Pemegang Akaun boleh mendapatkan terma-terma dan syarat-syarat penuh AirAsia di www.airasia.com. Dengan menerima produk dan/atau perkhidmatan daripada

AirAsia, pemegang Akaun akan dianggap menerima dan mengakui terma-terma dan syarat-syarat AirAsia. Selanjutnya, pemegang Akaun bertanggungjawab untuk mengetahui dan menyedari tentang terma-terma dan syarat-syarat AirAsia, yang boleh ditambah, diubah, dipotong dan dipinda pada bila-bila masa oleh AirAsia tanpa notis terdahulu diberikan kepada pemegang Akaun. Sebarang pertanyaan dan aduan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan AirAsia hendaklah dirujuk kepada AirAsia di www.airasia.com.

5.6 Pemegang Akaun bersetuju bahawa semua maklumat yang diberikan oleh pemegang Akaun kepada Bank adalah benar, tepat dan lengkap. Pemegang Akaun bersetuju bahawa berdasarkan pendedahan ini, pemegang Akaun bertanggungjawab atas sebarang maklumat (atau ketiadaannya), salah nyata atau maklumat palsu yang didedahkan oleh pemegang Akaun untuk membuka Akaun, dan pemegang Akaun hendaklah bertanggungjawab atas sebarang pertikaian atau liabiliti yang berbangkit berikutan sebarang keingkaran pemegang Akaun di dalam ini.

6 Kehilangan Kad ATM

6.1 Pemegang Akaun hendaklah menyimpan kad ATM dengan selamat dan dikehendaki melaporkan kepada Bank secara bertulis, dengan serta-merta tentang kehilangan atau kecurian kad.

6.2 Penggantian Kad ATM yang hilang akan dibuat selaras dengan terma-dan syarat-syarat yang mengawal operasi Kad ATM.

7 Penutupan Akaun

7.1 Akaun boleh ditutup oleh pemegang Akaun secara peribadi atau secara alternatif, Bank juga boleh dimaklumkan secara bertulis. Bagi akaun bersama, penutupan Akaun hendaklah dilakukan selaras dengan terma-terma dan / atau syarat-syarat mandat yang diberikan kepada Bank oleh pemegang Akaun.

7.2 Apabila pemegang Akaun mengeluarkan keseluruhan baki dalam Akaun, Akaun akan dianggap ditutup.

7.3 Pemegang Akaun hendaklah mematuhi semua keperluan Bank, jika ada, bagi penutupan Akaun. Bank merizab hak untuk mengenakan caj perkhidmatan sebanyak RM10 atau sebarang jumlah lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa sekiranya Akaun ditutup oleh pemegang Akaun dalam masa 6 bulan dari tarikh pembukaan Akaun.

7.4 Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank merizab hak untuk menutup mana-mana Akaun atau untuk menukar Akaun kepada akaun simpanan biasa menurut budi bicara mutlak Bank tanpa perlu memberikan sebarang sebab, dengan memberikan notis yang mencukupi kepada pemegang Akaun.

8 Akaun Tidak Aktif / Dorman / Wang Tidak Dituntut

8.1 Akaun tanpa sebarang transaksi kredit dan/atau debit (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan pengkreditan faedah ke dalam akaun atau pendebitan bagi fi dan/atau caj yang kena dibayar oleh Pemegang akaun kepada Bank) bagi tempoh 1 tahun atau lebih akan dianggap akaun dorman.

8.2 Bagi akaun yang telah diklasifikasikan sebagai dorman berdasarkan Klausa 8.1 di atas, sebarang transaksi kredit dan/atau debit (selain daripada transaksi kredit dan/atau debit yang dilakukan oleh Bank bagi tujuan pengkreditan faedah ke dalam akaun atau pendebitan bagi fi dan/atau caj yang kena dibayar oleh Pemegang akaun kepada Bank) ke atas akaun adalah tidak dibenarkan melainkan dan sehingga akaun telah diaktifkan semula berdasarkan Klausa 8.3 di bawah.

8.3 Untuk mengaktifkan Akaun Simpanan yang dorman, transaksi debit / pengeluaran hendaklah dilaksanakan oleh pemegang akaun di mana-mana cawangan Bank, tertakluk kepada pengesahan identiti keatas pemegang akaun.

8.4 Fi perkhidmatan tahunan sebanyak RM10 akan dikenakan dan diambil daripada akaun simpanan, selagi ianya kekal dorman. Sekiranya baki kredit didalam akaun simpanan kurang daripada RM10, baki kredit tersebut akan ditolak sebagai bayaran fi perkhidmatan tahunan dan akaun simpanan tersebut akan ditutup.

8.5 Di bawah Akta Wang Tidak Dituntut, 1965 yang berkuat kuasa, sebarang wang yang diklasifikasi sebagai wang tidak dituntut (iaitu baki dalam akaun yang tidak dikendalikan selama 7 tahun atau lebih), akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut ("RUM"). Pihak Bank, dalam masa tidak kurang daripada 21 hari sebelum pemindahan, dengan kos sendiri, hendaklah memaklumkan kepada pemegang akaun akan pemindahan wang yang akan dilakukan daripada akaun simpanan kepada RUM, disebabkan akaun yang dorman. Pemegang akaun hendaklah dimaklumkan mengenai pilihan untuk mengaktifkan semula atau menutup terus akaun simpanan, demi mengelak berlakunya pemindahan wang dari akaun simpanan dorman oleh Bank kepada RUM.

8.6 Bank juga hendaklah, dengan kos ditanggung olehnya sendiri dan atas permintaan pemegang Akaun, memaklumkan pemegang Akaun tentang prosedur yang terlibat untuk menuntut wang yang disimpan di dalam Akaun yang telah dihantar oleh Bank kepada RUM.

9 Akaun Simpanan dengan ID/ Kata Laluan

9.1 Bank tidak akan dalam cara apa jua dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang dialami oleh pemegang Akaun disebabkan kecuaiannya jika mana-mana orang mendapatkan milikan ID / Kata Laluannya dan mengeluarkan, secara memfraud, sebarang jumlah wang daripada Akaun pemegang Akaun.

9.2 Bank tidak bertanggung jawab untuk memastikan masukan adalah tepat dan benar. Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk memeriksa secara berhati-hati dan memastikan bahawa masukan dalam Akaunnya adalah benar dan tepat setiap kali pemegang Akaun mengendalikan Akaunnya.

9.3 Sekiranya berlaku kehilangan, kecurian atau penyalahgunaan ID / Kata Laluan, pemegang Akaun hendaklah memaklumkan cawangan asal Bank dengan segera secara bertulis mengenai kerugian, kecurian atau penyalahgunaan ID / Kata Laluan tersebut bagi tujuan penggantian ID / Kata Laluan.

10 Tanpa Buku Simpanan/ Sejarah Transaksi

10.1 Buku simpanan tidak akan disediakan untuk Akaun ini. Sejarah Transaksi Akaun boleh diakses oleh pemegang Akaun secara dalam talian di laman sesawang Bank dan / atau sebarang cara lain yang boleh ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa. Tertakluk kepada pembayaran caj yang berkuat kuasa kepada Bank, penyata akaun boleh dipohon oleh pemegang Akaun daripada Bank.

10.2 Pemegang Akaun dikehendaki menyemak semua masukan atau transaksi yang direkodkan dalam Akaunnya dan memaklumkan Bank dengan serta-merta tentang sebarang kesilapan, perkara yang tidak kena, percanggahan, tuntutan atau debit atau butiran yang tidak dibenarkan. Jika pemegang Akaun gagal memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, percanggahan, tuntutan atau debit atau butiran yang tidak dibenarkan dalam Akaun dalam masa empat belas (14) hari, selepas setiap akhir bulan, pemegang Akaun akan dianggap telah menerima dengan muktamad semua masukan yang dibuat pada Akaun sehingga tarikh masukan terakhir sebagai benar dan tepat dalam semua segi.

11 Akaun Bersama (Terpakai terhadap Akaun Bersama dalam nama dua orang atau lebih daripada dua orang)

11.1 Semua persetujuan, kewajipan, kuasa dan liabiliti yang terkandung dalam Perjanjian ini akan dianggap bersama dan berasingan. Obligasi Bank akan dilaksanakan dengan memaklumkan mana-mana orang yang dinamakan dalam Akaun Bersama.

11.2 Pemegang Akaun bersama hendaklah secara bersama dan berasingan berakujanji untuk menanggung rugi Bank dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas kerugian, tuntutan, prosiding, kos, perbelanjaan dan liabiliti lain tidak kira bagaimana dan bila ditanggung yang berbangkit daripada sebarang kebenaran yang diberikan oleh mana-mana pemegang Akaun bersama.

11.3 Sekiranya mana-mana pemegang Akaun bersama meninggal dunia, menjadi bankrap atau menjadi kurang siuman, sebarang baki kredit dalam akaun bersama boleh dibayar kepada pemegang

akaun yang masih tinggal tertakluk kepada pematuhan (jika dikehendaki) dengan Enakmen Duti Harta Pusaka atau sebarang perundangan lain yang serupa sifatnya.

12 Hak Tolakan

12.1 Bank merizab hak, tanpa memberikan notis, untuk menggabungkan dan menyatukan mana-mana akaun pemegang Akaun, dan/atau menolak dan/atau memindahkan sebarang baki kredit dalam akaun sedemikian, untuk atau bagi tujuan menjelaskan mana-mana liabiliti pemegang Akaun kepada Bank, sama ada liabiliti sedemikian kepada Bank adalah sebenar, kontingen, utama, sampingan, berasingan, bersama atau dalam mata wang lain.

12.2 Berhubung dengan akaun bersama yang dibuka oleh pemegang Akaun bersama, Bank merizab hak, tanpa memberikan notis, untuk menggabungkan dan menyatukan mana-mana akaun bersama, dan/atau menolak dan/atau memindahkan sebarang baki kredit dalam akaun bersama tersebut, untuk atau bagi tujuan menjelaskan baki debit yang ditanggung di dalam mana-mana akaun yang mungkin dipegang oleh (i) seorang atau lebih daripada seorang pemegang akaun bersama; dan/atau (ii) mana-mana seorang atau lebih daripada seorang pemegang akaun bersama dengan mana-mana orang lain.

13 Pembatasan liabiliti

13.1 Bank tidak akan bertanggungjawab dan pemegang Akaun hendaklah menanggung rugi Bank dengan sepenuhnya dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas semua kerugian, kos, dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh pemegang Akaun atau Bank berhubung dengan mana-mana atau semua akaun pun jua atau pelaksanaan sebarang arahan oleh Bank (meskipun arahan sedemikian mungkin memfraud atau tanpa kebenaran) atau jika mana-mana akaun pemegang Akaun atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh sebarang pihak berkuasa kerajaan atau rasmi.

13.2 Pemegang Akaun selanjutnya bersetuju bahawa semua dana, wang, sekuriti dan barang berharga dan harta lain kepunyaan pemegang Akaun dan dideposit dengan Bank di dalam Akaun dan atau sebarang akaun pemegang Akaun yang lain ('harta tersebut ') akan secara automatik menjadi cagaran kepada Bank dan Bank berhak (i) tanpa sebarang notis terdahulu kepada pemegang Akaun, untuk menolak sebarang wang yang dirangkum dalam harta tersebut bagi tujuan membuat pembayaran sebarang liabiliti yang dtanggung oleh pemegang Akaun kepada Bank sepertimana diperuntukkan di dalam mana-mana peruntukan di dalam ini (ii) memegang atau menahan harta tersebut sehingga liabiliti pemegang Akaun kepada Bank yang diperuntukkan di dalam ini dijelaskan dengan sepenuhnya kepada Bank.

14 Perubahan Butir-butir

14.1 Sebarang perubahan pada alamat e-mel dan/atau pos, tandatangan dan/atau butir-butir pemegang Akaun yang lain yang direkodkan dengan Bank hendaklah dimaklumkan kepada Bank secara bertulis.

14.2 Semua komunikasi yang dihantar oleh Bank melalui pos atau ditinggalkan di alamat terakhir pemegang Akaun yang didaftarkan dengan Bank akan dianggap sebagai diserahkan kepada dan diterima oleh pemegang Akaun.

15 Undang-undang yang Mengawal

15.1 Terma-terma & Syarat-syarat mengenai Akaun adalah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia dan badan relevan lain, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

16 Arahan

16.1 Sebarang arahan daripada pemegang Akaun kepada Bank terhadap Akaun hendaklah dibuat secara bertulis, dan ditandatangani oleh pemegang Akaun. Sebarang arahan sedemikian hanya berkuat kuasa apabila diterima oleh Bank. Walau bagaimanapun, Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau keabaian untuk melaksanakan arahan sedemikian.

17. Caj Perbankan

17.1 Pemegang Akaun bersetuju bahawa Bank berhak mengenakan caj untuk mana-mana perkhidmatannya yang disediakan kepada pemegang Akaun, selaras dengan amalan Bank yang berkuat kuasa. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada fi dan caj yang dikenakan terhadap Akaun, makluman tentang perubahan tersebut hendaklah disampaikan kepada pemegang Akaun selewat-lewatnya 21 hari kalendar sebelum tarikh berkuatkuasanya perubahan tersebut. Makluman sedemikian hendaklah disampaikan kepada pemegang Akaun secara bertulis atau melalui kaedah elektronik atau melalui iklan yang dipaparkan di ruang perbankan Bank atau di laman sesawang Bank dan melalui sebarang iklan yang akan disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar utama. Semua caj sedemikian boleh didebit daripada sebarang akaun yang dibuka oleh pemegang Akaun dengan Bank.

18 Pendedahan Maklumat

18.1 Pemegang Akaun dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan kepada AirAsia semata-mata bagi tujuan Program dan/atau kepada mana-mana orang di dalam atau di luar Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat di dalam kumpulan Bank serta syarikat di dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank (“Syarikat-syarikat Kumpulan”) sama ada Syarikat-syarikat Kumpulan tersebut bermastautin, bertempat, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, sebarang maklumat tentang atau berkaitan dengan pemegang Akaun, urusan pemegang Akaun dan/atau akaun perbankan pemegang Akaun bagi sebarang tujuan yang dianggap sesuai atau wajar oleh Bank. Pendedahan kepada Syarikat-syarikat Kumpulan yang terlibat dalam aktiviti promosi, penjualan, penyampaian dan pengedaran produk dan perkhidmatan kewangan adalah demi memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan Syarikat-syarikat Kumpulan. Meskipun sifat am perkara yang disebut sebelum ini, Bank mengakui bahawa (i) Bank tidak akan mendedahkan maklumat pemegang Akaun kepada Syarikat-syarikat Kumpulan yang menetap, bertempat, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di dalam Malaysia bagi tujuan penjualan silang jika pendedahan sedemikian dibantah oleh pemegang Akaun; (ii) Bank hanya akan mendedahkan maklumat pemegang Akaun (tidak termasuk maklumat berkaitan dengan urusan atau akaun pemegang Akaun) kepada pihak ketiga, termasuk Syarikat-syarikat Kumpulan yang menetap, bertempat, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan di luar Malaysia, bagi tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi, jika pemegang Akaun dengan nyata membenarkan pendedahan sedemikian.

18.2 Pemegang Akaun dengan ini bersetuju dan dengan nyata memberi kuasa dan mempelawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau agen Bank untuk menghubungi pemegang Akaun dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilaksanakan melalui sebarang bentuk komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang Program dan/atau sebarang promosi. Sekiranya sebarang maklumat disediakan kepada mana-mana kontraktor bebas, Bank akan secara munasabah memastikan bahawa kontraktor bebas tersebut bersetuju merahsiakan maklumat tersebut.

19. Perizaban Hak

19.1 Bank merizab hak, setelah memberikan notis yang cukup, untuk menambah, memotong atau meminda sebarang peruntukan yang dinyatakan di dalam ini pada bila-bila masa. Sebarang perubahan, tambahan, pemotongan atau pindaan (“Pindaan”) pada peruntukan di dalam ini adalah mengikat terhadap pemegang Akaun dan dianggap telah dibawa kepada perhatian pemegang Akaun apabila dipaparkan di Bank atau melalui notis yang dihantar oleh Bank kepada alamat pemegang Akaun yang terakhir diketahui atau diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank, atau melalui laman sesawang Bank atau melalui sebarang cara makluman lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan dianggap mengikat terhadap pemegang Akaun dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dalam makluman.

20. Pembekuan Akaun Simpanan

20.1 Tanpa prejudis terhadap dan tanpa menjejaskan sebarang hak lain yang boleh dilaksanakan oleh Bank untuk membekukan Akaun Simpanan pada bila-bila masa selaras dengan atau menurut sebarang undang-undang, perintah mahkamah, peraturan dan atau enakmen, Bank berhak pada bila-bila masa, menurut budi

bicara tunggal dan mutlaknya dan tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu kepada pemegang akaun, menahan diri daripada menguatkuasakan atau melaksanakan sebarang arahan atau transaksi di dalam Akaun Simpanan termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana satu atau lebih daripada satu atau semua arahan atau transaksi berikut (a) penunaian cek di kaunter atau pembayaran sebarang cek atau sebarang instrumen lain atau pembayaran sebarang wang di bawah atau daripada Akaun Simpanan; (b) penerimaan sebarang wang atau deposit atau cek atau sebarang instrumen lain untuk pungutan dan atau untuk dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan ("Pembekuan Akaun Simpanan") apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:

(a) Bank dimaklumkan bahawa pemegang akaun telah melakukan suatu tindakan kebankrapan dan/atau notis kebankrapan dan/atau petisyen penggulungan dan/atau petisyen pemiutang untuk kebankrapan, mengikut keadaan, telah difailkan atau dikemukakan terhadap pemegang akaun ("hal-hal insolvensi pemegang akaun");

(b) Bank dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau kerajaan lain ("pihak berkuasa berkaitan") agar menahan diri daripada melaksanakan sebarang transaksi di bawah Akaun Simpanan seperti yang dinyatakan di atas tidak kiralah sama ada pihak berkuasa berkaitan mempunyai kuasa di sisi undang-undang atau kuasa yang sah untuk membuat permintaan tersebut kepada Bank ("arahan pihak berkuasa berkaitan").

20.2 Pembekuan Akaun Simpanan akan dihentikan atau ditamatkan apabila berlaku mana-mana satu peristiwa berikut:

(a) Berhubung dengan hal-hal insolvensi pemegang akaun, pemegang akaun hendaklah mengemukakan bukti yang wajar kepada Bank hingga memuaskan hati Bank, bahawa Notis Kebankrapan atau petisyen penggulungan atau petisyen pemiutang untuk kebankrapan telah ditarik balik secara sah oleh pempetisyen atau ditolak atau dibatalkan oleh mahkamah atau apabila perintah mahkamah yang suaimanfaat yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan Akaun Simpanan disampaikan kepada Bank.

(b) Berhubung dengan arahan pihak berkuasa berkaitan, Bank telah dimaklumkan secara bertulis oleh pihak berkuasa berkaitan untuk melaksanakan penamatan Pembekuan Akaun Simpanan atau secara alternatif, perintah mahkamah yang suaimanfaat yang membenarkan atau memerintahkan penamatan Pembekuan Akaun Simpanan telah disampaikan kepada Bank.

20.3 Dengan Membekukan Akaun Simpanan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini termasuk sebarang tindakan yang boleh diambil oleh Bank seperti memulangkan mana-mana cek atau instrumen lain sama ada yang dideposit untuk pungutan atau pembayaran seperti yang diperuntukkan di dalam ini, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan, kos atau caj yang mungkin dituntut terhadap Bank oleh pemegang akaun atau oleh mana-mana orang lain dan berhubung dengan perkara ini, pemegang akaun selanjutnya bersetuju dan berakujanji untuk memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan sama sekali terhadap sebarang tuntutan untuk gantirugi, kerugian, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin dibuat terhadap Bank oleh mana-mana orang lain.

20.4 Pemegang akaun seterusnya bersetuju bahawa jika Bank didakwa atau dijadikan pihak dalam sebarang guaman berbangkit daripada tindakan Bank yang Membekukan Akaun Simpanan di dalam ini atau jika Bank, sebelum atau selepas Pembekuan Akaun Simpanan, memulakan sebarang guaman termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang prosiding interplider terhadap mana-mana pihak termasuk pemegang akaun untuk apa-apa relief atau deklarasi yang suaimanfaat yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, gantirugi, tuntutan, perbelanjaan, caj dan kos (guaman atau sebaliknya termasuk kos atas dasar peguamcara dan anakguam dan kos pihak ke pihak) yang mungkin diberikan oleh mahkamah terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank hendaklah ditanggung rugi dengan sepenuhnya oleh pemegang akaun.

20.5 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan atau untuk kemungkiran kontrak dan atau untuk sebarang kerugian atau gantirugi lain atas apa jua alasan oleh pemegang akaun berkaitan dengan sebarang cek atau instrumen lain yang dipulangkan oleh Bank sama ada untuk pembayaran atau pungutan akibat Pembekuan Akaun Simpanan dan tidak kira apa jua kenyataan yang mungkin diberikan oleh Bank bagi pemulangan tersebut.

20.6 Dengan bertindak selaras dengan mana-mana terma, syarat dan peruntukan di dalam ini, pemegang akaun bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan atau kos pun jua yang boleh dituntut terhadap Bank atas alasan bahawa Bank belum dimaklumkan tentang peristiwa berkaitan yang disebut dalam Klausa 18(1) di dalam ini kerana makluman tersebut adalah tidak teratur, tidak sah, salah, tersilap, batal, tidak berkuat kuasa atau atas sebarang alasan lain. Istilah pemegang akaun di mana jua disebut di dalam ini hendaklah bermaksud mana-mana seorang atau lebih daripada seorang atau semua pemegang akaun jika pemegang akaun adalah lebih daripada seorang.

21. Penyerahan Hak Tidak Dibenarkan

21.1 Pemegang Akaun tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis daripada Bank, menyerah hak dan atau mewujudkan sebarang kepentingan cagaran terhadap hak, hakmilik, manfaat dan kepentingan Akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada semua wang yang disimpan di dalamnya memihak kepada mana-mana orang kecuali dan melainkan bahawa kepentingan cagaran tersebut boleh diserah hak dan atau diwujudkan memihak kepada Bank.

22. Lain-lain

22.1 Sekiranya ada sebarang aduan tentang Akaun Simpanan, pemegang akaun boleh mengemukakan nota kepada pusat atau cawangan CIMB di mana Akaun Simpanan dibuka. Sekiranya penjelasan atau penyelesaian yang diberikan oleh Pusat atau cawangan CIMB tidak memuaskan hati pemegang akaun, pemegang akaun boleh menghubungi 'Customer Resolution Department' Bank di alamat, nombor telefon, faks dan e-mel berikut (atau di sebarang alamat, nombor telefon, faks dan alamat e-mel lain yang boleh diubah oleh Bank dengan memaklumkan kepada pemegang akaun): CSD Contact Centre, HQ di Level 17, Menara Bumiputera Commerce, No 11, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau Tel: 603 26192380 /Faks: 60326913248/ alamat e-mel: cru@cimb.com.

22.2 Sekiranya wujud perkara yang tidak konsisten, kesamaran atau percanggahan antara teks Terma-terma dan Syarat-syarat ini dalam bahasa Inggeris dan versi lain, versi bahasa Inggeris akan mengatasi versi lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh pemegang Akaun bagi versi terma-terma dan syarat-syarat ini dalam Bahasa Malaysia, Bank hendaklah menyediakannya dan membenarkan pemegang Akaun mengisi borang relevan dan menandatangani perjanjian dalam Bahasa Malaysia dan borang dan perjanjian sedemikian dalam Bahasa Malaysia yang diisi dan ditandatangani hendaklah membentuk asas kontrak antara Bank dan pemegang Akaun.